

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERSONEL MYSTEP
KOLEJ PERMATA@PINTAR NEGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di KOLEJ PERMATA@PINTAR NEGARA, UKM (KAMPUS BANGI) bagi jawatan *Personel MySTEP* seperti maklumat dan keperluan berikut:

1. Maklumat Jawatan:

JAWATAN	: PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI DH41
TARAF JAWATAN	: PERSONEL MySTEP
TEMPOH LANTIKAN	: 3 BULAN
UPAH	: RM2,100.00 SEBULAN
TARIKH IKLAN	: 9 APRIL 2025 10 APRIL 2025
TARIKH TUTUP	: 13 APRIL 2025 14 APRIL 2025

2. Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berikut:

- Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- Menyediakan hal-hal berkaitan rekod persediaan pengajaran dan rekod pelajar.
- Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti Kokurikulum dan aktiviti pusat serta lain-lain tugas dan aktiviti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan.
- Kelayakan akademik:
 - Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- iii) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.

3. Keutamaan Diberikan Kepada Calon Berikut:

- a. Berpengalaman mengajar Bahasa Melayu SPM, STPM atau Pra-U.
- b. Calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Bahasa Melayu, bersikap terbuka dan positif.
- c. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta berupaya menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh ketua dari semasa ke semasa.
- d. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan

4. Cara Memohon:

- a. Calon boleh membuat permohonan dengan **memuat naik Resume/CV yang lengkap serta transkrip akademik yang disahkan** melalui pautan ini: <https://tinyurl.com/PERMOHONAN-MYSTEP-BM>
- b. Calon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.
- c. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.